



SIARAN MEDIA

KERJASAMA MAFI – MOMC MEMPERKUKUH INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA

- 1) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), melalui Pejabat Perwakilan Pertanian (PPP) Sydney, telah menjalankan kerjasama dengan *Masters of Malaysia Cuisine* (MOMC) untuk melaksanakan Program Promosi dan Demonstrasi Masakan secara *virtual* dan *onsite* di beberapa lokasi terpilih iaitu Sydney, Dubai dan Kuala Lumpur.

- 2) Kerjasama Program ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:
 - i. Mempromosikan menu masakan Malaysia dan produk-produk pertanian dari Malaysia yang berkualiti tinggi yang bakal digunakan semasa demonstrasi;
 - ii. Meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kualiti produk-produk pertanian yang seterusnya meningkatkan permintaan terhadap agroproduk dan promosi agrokulinari Malaysia ke peringkat antarabangsa;
 - iii. Memperkukuh kedudukan produk pertanian Malaysia di peringkat global melalui pengenalan/kesedaran kepada produk eksport pertanian yang sedia ada di negara yang diwakili oleh chef-chef MOMC;
 - iv. Inisiatif global merentas sempadan melalui penggunaan teknologi sebagai medium utama promosi dalam norma baharu dengan membina *networking* dan *footprint* di media sosial;
 - v. Meluaskan hebahan kepada khalayak global mengenai kepelbagaian jenis masakan Malaysia yang terbukti mempunyai permintaan tersendiri;
 - vi. Memberikan pendidikan asas kulineri dari aspek pengetahuan, panduan dan amalan memasak menu Malaysia; dan
 - vii. Rangkaian restoran dan hotel Malaysia yang terdapat di seluruh dunia akan turut mendapat kesan langsung daripada promosi ini.

- 3) Program demonstrasi dan promosi ini melibatkan chef-chef terkemuka Malaysia di seluruh dunia dalam rangkaian MOMC. Rangkaian tersebut merupakan

himpunan chef-chef terkemuka Malaysia yang berada di dalam dan luar negara dan mempunyai kepakaran dalam pelbagai variasi masakan Malaysia.

4) Program kali ini merangkumi lapan (8) sesi demonstrasi masakan yang melibatkan 8 orang chef rangkaian MOMC melalui platform atas talian (*virtual*) yang mana setiap sesi demonstrasi masakan akan disiarkan secara serentak (*simulcast*) dan diulangi di media sosial seperti *Facebook* dan *YouTube Channel*.

5) Sesi demonstrasi masakan secara *virtual* boleh dilayari melalui sesawang MAFI dan MOMC di pautan:

- i. Facebook MAFI :
<https://www.facebook.com/MafiMalaysia/>
- ii. MalaysianChefs.com :
<https://malaysianchefs.com/>
- iii. YouTube Channel MOMC :
https://www.youtube.com/channel/UCSrKUKpo2gcAos6_AIHdnZg/featured

Butiran mengenai sesi demonstrasi masakan tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh/Hari	Sesi	Masa	Chef	Menu
27 Mac 2021 (Sabtu)	Sesi 1: Sydney	12.00 tengah hari	Jackie M.	<i>Seremban Beef Noodles</i>
	Sesi 2: South Africa	5.00 petang	Liam Z. Ghani	<i>Penang Laksa Lemak</i>
28 Mac 2021 (Ahad)	Sesi 3: Dubai	5.00 petang	Rene Juefri	Ikan Bakar Berempah dan Air Asam
	Sesi 4: United Kingdom	6.00 petang	Zaleha Olpin	Gulai Nangka Muda dengan Daging dan Kerabu Pegaga
29 Mac 2021 (Isnin)	Sesi 5: Kuala Lumpur	1.00 tengah hari	Dave Murugaya	Chettinad Varuval
	Sesi 6: Kuala Lumpur	2.00 petang	Debbie Teoh	Ayam Buah Keluak dan Bakwan Kepiting
30 Mac 2021 (Selasa)	Sesi 7: Kuala Lumpur	1.00 tengah hari	Johari Edrus	Ketupat Goreng
	Sesi 8: Kuala Lumpur	2.00 petang	Bob Adnin	Kerutuk Itik Salai

* Tarikh/Hari dan Masa adalah mengikut waktu Malaysia.

6) Selain daripada itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid hadir sebagai tetamu kehormat bagi sesi demonstrasi masakan pada hari ini yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur.

7) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berharap agar program promosi dan demonstrasi ini berupaya memperkukuhkan lagi permintaan bagi produk-produk hasil pertanian Malaysia di pasaran antarabangsa di samping mempersembahkan keunikan citarasa Malaysia di mata dunia.

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

30 MAC 2021